

Kajian graduan FSSA UMS terima anugerah Freezailah, raih RM2,000

UB 30.03.2022 P.03

KOTA KINABALU: Graduan Ijazah Sarjana Muda Program Taman Alam Semulajadi dan Rekreasi, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Chai Lee Ting, 26, menerima Anugerah Kelestarian Hutan Freezailah daripada Majlis Persijilan Kayu Malaysia (MTCC).


Penyampaian anugerah disempurnakan Pro Canselor UMS, Tan Sri Azman Hashim selepas tamat sidang tiga, Majlis Konvokesyen UMS ke-22, di sini, kelmarin.

Chai dinobatkan sebagai penerima anugerah itu melalui tesis bertajuk 'Estimation of Aboveground Carbon in Rubber Plantation, Tamparuli, Sabah using Airbone Lidar'.

Menurutnya, getah merupakan antara sumber bahan mentah yang penting di Malaysia.

"Daerah Tamparuli sememangnya terkenal dengan getah, justeru saya memilih kawasan ini sebagai lokasi kajian.

"Kajian yang saya jalankan berdasarkan cadangan bagaimana mengesan dan menganggarkan kadar karbon di atas tanah dengan menggunakan alat kawalan



KENANGAN: Azman (tiga kiri) menyampaikan anugerah kepada Chal (tiga kanan) sambil disaksikan Taufiq (dua kanan), Kamaruzaman (kiri), Jualang (dua kiri), dan Normah (kanan).

jauh," katanya ketika ditemui semasa penyampaian anugerah.

Anugerah tersebut membolehkan beliau yang juga penerima Kelas Satu pada istiadat konvokesyen itu meraih wang sebanyak RM2,000.

Beliau yang menamatkan pengajiannya di peringkat sarjana muda pada 2020 kini sedang melanjutkan pengajian di Fakulti Perhutanan (FPT) UMS dalam bidang

Ijazah Sarjana Sains (Perhutanan).

Hadir sama menyaksikan penyampaian anugerah, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin; Pengerusi MTCC, Haji Kamaruzaman Mohamad; Dekan FSSA, Prof. Dr Jualang @ Azlan Abdullah Gansau; dan Dekan FPT, Prof. Madya Dr Normah Awang Besar @ Raffie.

Untuk rekod, Anugerah

Kelestarian Hutan Freezailah mula dianugerahkan pada 2016 bagi menghargai jasa mantan pengerusi MTCC, Datuk Dr Freezailah Che Yeom, Pengerusi Pengasas MTCC Malaysia yang telah berkhidmat selama 17 tahun.

Ia ditawarkan MTCC bagi menggalakkan kecemerlangan akademik pelajar dalam kursus-kursus berdasarkan perhutanan.